

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 27 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan data dan statistik berkaitan kes isu jenayah penipuan siber sepanjang tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kegiatan penipuan ataupun 'scam' sama ada secara dalam talian ataupun luar talian adalah tertakluk di bawah bidang kuasa pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Bank Negara Malaysia (BNM) atau agensi-agensi berkenaan; tertakluk kepada bentuk-bentuk penipuan yang dijalankan.

2. Walau bagaimanapun, Kementerian ini melalui Pusat Bantuan Cyber999, telah menerima laporan insiden berkaitan jenayah penipuan siber sepanjang tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) iaitu bagi tempoh 18 Mac - 30 Jun 2020 seperti berikut:

Bil.	Keterangan	Statistik
1.	<i>Fraud – Counterfeit Item</i>	1
2.	<i>Fraud – Domain Dispute</i>	2
3.	<i>Fraud – Fraud Purchase</i>	161
4.	<i>Fraud – Fraud Site</i>	8
5.	<i>Fraud – Illegal Investment</i>	23
6.	<i>Fraud – Impersonation and Spoofing</i>	21
7.	<i>Fraud – Job Scam</i>	5
8.	<i>Fraud – Lottery Scam</i>	3
9.	<i>Fraud – Online Scam</i>	298
10.	<i>Fraud - Phishing</i>	2,413
11	<i>Fraud – Unauthorized Transaction</i>	17
Jumlah		2,952